

15 SEP 1999

Mahathir-Formula

HADIAH BERNILAI RM2.4 JUTA BAGI PERADUAN FORMULA M'SIA

PUTRAJAYA, 15 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan kempen "Formula Malaysia" dengan peraduan yang menawarkan hadiah wang lebih RM2.4 juta.

Kempen sempena menyambut alaf baru itu dilancarkan atas dayausaha sektor korporat negara ini.

Majlis pelancarannya berlangsung di Dataran Putra di sini dengan disaksikan oleh anggota-anggota Kabinet, sebelum bermulanya mesyuarat mingguan kabinet yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif KUB Malaysia Berhad Datuk Hassan Harun ketika ditemui pemberita berkata peraduan yang mencakupi penulisan esei, cerpen, melukis, fotografi, mencipta lagu dan mencipta laman web itu bertujuan memberi peluang rakyat Malaysia melahirkan pendapat dan pandangan mereka mengenai kejayaan negara.

Antara syarikat yang terlibat dalam kempen itu ialah Edaran Otomobil Bhd, YTL Corporation Bhd, Sungai Way Group, Southern Bank Bhd, MRCB, Sapura Group of Companies dan Tenaga Nasional Bhd.

Bagi setiap satu daripada enam kategori peraduan itu, hadiah pertama yang ditawarkan ialah RM150,000, kedua RM100,000, ketiga RM50,000 dan hadiah sugu hati RM1,000 untuk 100 orang bagi setiap kategori.

Hassan berkata peraduan akan berlangsung selama tiga bulan sehingga 15 Nov dan Dr Mahathir dijangka menyampaikan hadiah kepada pemenang pada 31 Dis.

"Kita adakan peraduan ini untuk menyemarakkan kesedaran dan apresiasi di kalangan rakyat terhadap pencapaian negara berasaskan kepada resepi unik yang diadun sejak Merdeka," katanya.

Beliau berkata setiap penyertaan akan disahkan oleh MIDF Corporate and Consultancy Services Sdn Bhd, sebuah firma penjelasan saham, bagi menjamin pelarasan setiap penyertaan akan dilaksanakan secara telus.

Beliau juga memberi jaminan bahawa pengadilan akan dilakukan oleh panel profesional yang terdiri daripada tokoh-tokoh terkemuka tanahair yang pakar dalam bidang masing-masing.

Katanya, peraduan dibuka kepada semua warga Malaysia dan borang penyertaan boleh didapati melalui akhbar-akhbar tempatan mulai 18 Sept.

Setiap penyertaan atau hasil karya mestilah mempunyai elemen-elemen seperti dapat melahirkan rasa bersyukur kerana kestabilan dan kesejahteraan negara, menyemarakkan semangat "Malaysia Boleh" dan mempertingkatkan celik sejarah negara, katanya.

Hassan juga berkata sektor korporat yang menjayakan kempen itu telah menyumbang RM9 juta bagi mewujudkan Tabung Formula Malaysia.

Dana daripada tabung itu pada masa akan datang dijangka dapat membiayai perbelanjaan untuk rakyat Malaysia yang berminat melakukan aktiviti yang dapat mengharumkan nama negara seperti Datuk Azhar Mansor dengan pelayarannya dan adik-beradik Gerard dan Justin Read yang berjaya sampai ke Kutub Utara.

-- BERNAMA

NZ SHO NMO